

JBPM keluar 144 notis: Noh

76 bangunan maahad tahfiz, rumah anak yatim seluruh negara tidak patuhi piawaian keselamatan

ARZIANA MOHAMMAD AZAMAN

KUALA SELANGOR - Sebanyak 144 notis dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) terhadap 76 bangunan maahad tahfiz dan rumah anak yatim seluruh negara yang tidak mematuhi piawaian keselamatan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar menjelaskan, pemantauan yang dilaksanakan dalam tempoh seminggu ini bermula 23 September lalu melibatkan 213 bangunan seluruh negara.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati sebanyak 137 bangunan maahad tahfiz dan rumah anak yatim mematuhi piawaian keselamatan manakala 76 lagi didapati masih memerlukan penambahbaikan dari segi keselamatan.

"Antara masalah yang dikesan pihak bomba ketika membuat pemeriksaan adalah isu pendawaian, tidak mempunyai

jalan alternatif yang mencukupi, tiada alat pencegahan yang lengkap dan alat pencegahan api tidak sempurna.

"Notis ini diberi tempoh dalam enam bulan supaya pihak pengurusan dapat membuat pembaikan dan ubahsuai mengikut saranan yang ditetapkan pihak bomba.

"Laporan pemeriksaan lengkap bomba ini akan dipanjangkan ke Kabinet untuk merangka pendekatan terbaik untuk masa akan datang," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Walkabout Ahli Parlimen Tanjung Karang melawat Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim dan Miskin (PAYSA) Parit 4 dan Maahad Tahfiz Jamilul Hasanah Batu 10.

Hadir sama, Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Nor Ibrahim dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Selangor, Azmi Osman dan Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Tanjung Karang, Azmi



Noh (kanan) memuji pemasangan pemadam api yang diletakkan di asrama PAYSA Parit 4, semalam

Abbas.

Mengulas lanjut, Noh turut menyarankan kerjasama semua pihak pengurusan supaya mematuhi nasihat yang diberikan dan tindakan tegas akan diambil

jika gagal mematuhi.

"Notis ini dalam tempoh enam bulan tapi kalau tiada tindak balas, mungkin kita boleh mengambil tindakan di bawah akta berkaitan... kalau tidak akur, kita boleh dakwa

di mahkamah untuk tutup atau dikenakan denda atau penjara.

"Tapi kita bukannya nak cari kesalahan mana-mana pihak tapi kita mahu wujudkan *win-win situation* sebab bila timbul isu keselamatan, kita tak boleh kompromi," katanya.

Menyentuh isu satu bangunan maahad yang tidak mematuhi piawaian keselamatan di Tanjung Karang, Noh memohon pihak pengurusan terbabit mematuhi nasihat pihak bomba.

"Nasihat pihak bomba juga meminta faktor keselamatan bangunan terbabit ditingkatkan selain menyarankan pemasangan alat pengesan asap dan bilangan penghuni kena kurangkan dalam asrama.

"Pada masa sama, saya berharap badan korporat serta pemimpin setempat dapat membantu menyumbangkan alat kelengkapan kebakaran untuk maahad dan rumah anak yatim sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat," katanya.

FOTO: AFIQ RAZALI

Pangkalan Udara Subang masih relevan

SUBANG - Pangkalan Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (PU JBPM) Subang berjaya memainkan peranan dalam membantu menjadikan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai sebuah jabatan yang berprestij tinggi di dunia sepanjang 19 tahun penubuhannya.

Penolong Ketua Pengarah (PKP) Bahagian Udara, Mohd Yunus Abu Hassan berkata, peranan ini dimainkan melalui pelaksanaan tugas yang diberikan.

"Pelbagai cabaran dan rintangan dilalui sepanjang

19 tahun ini. Kita perlu terus berusaha dan berganding bahu bagi memastikan misi dan visi pangkalan tercapai.

"Kita bertanggungjawab menjadikan ia sebagai titik perubahan bagi mengubah persepsi masyarakat di luar bahawa Pangkalan Udara Subang ini masih relevan dan akan tetap terus berdiri teguh," katanya ketika berucap pada sambutan Hari Ulang Tahun PU JBPM yang ke-19, di sini.

Menurutnya, berkenaan sejarah penubuhan, Mesyuarat Jemaah Menteri meluluskan dua helikopter untuk kegunaan Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia jenis MI-17 pada Jun 1998.

"Kerajaan bersetuju menawarkan projek membekal dan menyelenggarakan helikopter ini kepada pihak Airod Sdn Bhd. Bagi menjalankan pengoperasian udara, TUDM meminjamkan seramai enam orang juruterbang dan enam kuarter master udara bagi mengendalikan pesawat MI-17-1V buatan Rusia ini.

"Secara rasminya, Unit Udara Bomba dan Penyelamat (UUBP) mula beroperasi pada September



Anggota dan pegawai bersama plakad sempena meraikan Hari Ulang Tahun PU JBPM yang ke-19.

1998 dan kemudiannya iaitu pada April 2003," katanya.

"Pada Oktober 2008, nama UUBP Malaysia secara rasminya ditukarkan kepada PU JBPM Subang.

Pada Mei 2010 menerima dua helikopter Agusta AW139 buatan Itali dan memulakan operasi secara rasminya pada Oktober 2010.

Pada majlis itu juga,

beliau menyaksikan majlis penyerahan tugas oleh Pegawai Pemerintah, Letenan Kolonel Zulfitri Yahya kepada Letenan Kolonel Rosli Hashim.